

**NO. SOALAN: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9489**

**SOALAN:**

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan dasar dan proses penggajian pekerja  
asing, penukaran kerap dasar dan proses-proses menyukarkan  
perniagaan-perniagaan.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Penggajian pekerja asing merupakan satu keistimewaan yang telah diberikan bagi membantu perniagaan dan bersifat sementara. Dasar utama penggajian masih mengutamakan rakyat tempatan dan pekerja asing hanya dibenarkan untuk mengisi jawatan yang kurang diminati dan gagal diisi oleh rakyat tempatan. Kelulusan pengambilan pekerja asing juga adalah berdasarkan keperluan sebenar majikan dan mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Agensi Kawal Selia. Kekosongan jawatan juga disyaratkan untuk diiklankan kepada rakyat tempatan terlebih dahulu sebelum sebarang pertimbangan diberikan untuk penggajian pekerja asing. Syarat-syarat penggajian pekerja asing yang dikenakan bukan bertujuan untuk menyukarkan perniagaan tetapi adalah untuk memastikan peluang pekerjaan rakyat tempatan tidak terjejas.**

**Kerajaan juga mewajibkan saringan kesihatan kepada pekerja asing untuk mengelakkan penularan penyakit-penyakit berjangkit dan tapisan keselamatan supaya tidak menimbulkan sebarang ancaman kepada negara. Selain itu, Kerajaan juga sentiasa memperkemaskan mekanisme permohonan pengambilan pekerja asing di Malaysia dalam usaha membantu dan memudahkan pengurusan pekerja asing.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP  
[ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN : 34**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kutipan Caj Perkhidmatan Penumpang di semua lapangan terbang di seluruh negara untuk tempoh lima tahun yang lalu serta apakah rasional disebalik rancangan menaikkan caj tersebut bermula tahun hadapan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kutipan Caj Perkhidmatan Penumpang (*Passenger Service Charge* - PSC) di semua lapangan terbang di seluruh negara untuk tempoh lima tahun yang lalu adalah sebanyak RM 3.97 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj perkhidmatan penumpang (*Passenger Service Charge* – PSC) dikenakan kepada penumpang berlepas domestik dan antarabangsa sebagai caj penggunaan kemudahan yang telah disediakan di lapangan terbang oleh syarikat pengendali lapangan terbang yang bertanggungjawab untuk mengoperasi, mengurus, menyelenggara dan membangunkan kesemua lapangan terbang di dalam Negara.

Kerajaan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission* - MAVCOM) telah mengkaji kadar baharu PSC dan mendapati kenaikan PSC tidak akan menjejaskan permintaan penumpang untuk perjalanan domestik dan antarabangsa. Malahan, kenaikan PSC ini akan membolehkan syarikat pengendali lapangan terbang bersaing dengan lebih kompetitif dengan lapangan-lapangan terbang antarabangsa lain di rantau ini.

Sehubungan dengan itu, dengan mengambilkira kemudahan-kemudahan yang disediakan di semua lapangan terbang di dalam Negara serta pandangan-pandangan daripada *International Air Transport Association* (IATA), *Board of Airlines Representative* (BAR) dan syarikat-syarikat

penerbangan, Kerajaan telah bersetuju dengan kadar baharu PSC untuk dilaksanakan mulai 1 Januari 2017.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK  
MOHAMAD [PASIR PUTEH]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2016 [RABU]

SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rezab Tabung Haji yang ada dan berapakah jumlah wang yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan bagi menampung hutang 1MDB.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rizab boleh agih iaitu Rizab Keuntungan Terkumpul Tabung Haji sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM 607.9 juta. Tiada wang **TH** yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi menampung hutang 1MDB.

Sekian, terima kasih.